



MAJLIS BANDARAYA IPOH

PEKELILING KEWANGAN BIL. 1 /2015

Rujukan : Bil.(26) dlm.MBI.B1/12/2/12

Jabatan Perbendaharaan
Majlis Bandaraya Ipoh

6 Oktober 2015

Tuan Setiausaha
Pengarah-pengarah Kanan
Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Unit
Majlis Bandaraya Ipoh.

Tuan/Puan,

PENUTUPAN AKAUN UNTUK TAHUN 2015

Dengan hormatnya saya diarah memohon perhatian pihak tuan/puan kepada perkara di atas.

2. Berhubung dengan perkara ini, dimaklumkan bahawa **semua pembelian untuk tahun 2015, hendaklah diselesaikan sebelum 31 Disember 2015 (Khamis)**. Oleh yang demikian tindakan berikut hendaklah diambil:-

2.1. **Jabatan-jabatan / Bahagian-bahagian / Unit-Unit**

2.1.1 Mengemukakan Permohonan Pembelian (MBI 2/86) kepada Unit Belanja pada atau sebelum **26 November 2015 (Khamis)** kecuali bagi bekalan-bekalan kecemasan**. Permohonan Pembelian yang dikemukakan selepas tarikh ini tidak akan diterima.

PEKELILING KEWANGAN BIL. 1 /2015

PENUTUPAN AKAUN UNTUK TAHUN 2015

- 2.1.2 Memastikan barangan yang dipesan dapat dibekalkan sebelum **31 Disember 2015 (Khamis)**.
- 2.1.3 Memastikan pembekal mengemukakan Pesanan Pembelian (MPI 1/86) ke **Unit Belanja sebelum 31 Disember 2015 (Khamis)**.
- 2.1.4 Memastikan pembelian melalui Wang Runcit dibuat sehingga **11 Disember 2015 (Jumaat)** sahaja dan tuntutan Wang Runcit bagi tahun 2015 dibuat pada atau sebelum **18 Disember 2015 (Jumaat)**.
- 2.2. **Unit Belanja, Jabatan Perbendaharaan**
- 2.2.1. Menghentikan pengeluaran Pesanan Pembelian (MPI 1/86) pada **7 Disember 2015 (Isnin)**.
- 2.2.2. Mencatatkan tarikh akhir bekalan MPI 1/86 sebagai **31 Disember 2015 (Khamis)**.
3. Semua Jabatan/Bahagian/Unit juga dikehendaki memastikan perkara-perkara berikut dipatuhi:

Bil	Perkara	Tarikh Akhir (Pada Atau Sebelum)
i.	Baucer-baucer bagi bayaran berikut perlu disediakan dan dikemukakan kepada Jabatan Perbendaharaan (Unit Belanja): <ul style="list-style-type: none">- Bayaran Balik Hasil- Bayaran melalui Kod Amanah- Pelarasan Pendahuluan Diri	9 Dis 2015 (Rabu)
ii.	Mengemukakan baucer-baucer bayaran untuk perbelanjaan 2015 ke Jabatan Perbendaharaan (Unit Belanja) untuk tindakan pembayaran	8 Jan 2016 (Jumaat)
iii.	Memastikan baucer kerja kontrak yang telah selesai dilaksanakan pada atau sebelum 31 Disember 2015 (Khamis) dibayar dengan peruntukan tahun 2015 dan dikemukakan ke Jabatan perbendaharaan, Unit Belanja	8 Jan 2016 (Jumaat)
iv.	Memastikan Baucer-baucer Pembayaran yang <u>di 'query'</u> dikemukakan semula kepada Jabatan Perbendaharaan (Unit Belanja)	15 Jan 2016 (Jumaat)

PEKELILING KEWANGAN BIL. 1 /2015

PENUTUPAN AKAUN UNTUK TAHUN 2015

7. Tarikh akhir untuk mengemukakan permohonan Pindah Peruntukan (Virement) ditetapkan pada **13 November 2015 (Jumaat)** bagi membolehkan jabatan ini memproses permohonan yang diterima.
8. Semua Pesanan Pembelian (MPI 1/86) yang telah dikeluarkan dalam tahun **2015 tetapi masih belum menerima bekalan pada 31 Disember 2015 (Khamis) akan dibatalkan.** Dengan demikian jika Ketua-ketua Jabatan/Bahagian/Unit masih memerlukan bekalan tersebut, **pesanan yang baru hendaklah dikeluarkan dan dicajkan kepada peruntukan tahun 2016.**
9. Sukacita dapat kiranya pihak Tuan / Puan memastikan anggota di bahagian/unit tuan/puan mengambil perhatian terhadap perkara ini dan mematuhi tarikh-tarikh yang ditetapkan. Sekiranya gagal berbuat demikian, pihak tuan/puan adalah bertanggungjawab ke atas sebarang masalah yang timbul berhubung dengan perkara ini.

Catatan :-

Bekalan kecemasan bermaksud bekalan yang diperlukan segera dan tanpanya akan menimbulkan kepayahan dan kesusahan kepada orang ramai.

Sekian dimaklumkan.

**“ CINTAILAH BANDARAYA IPOH ”
“PEMBUDAYAAN INOVASI, PEMANTAPAN PRESTASI”**

Saya yang menurut perintah,


(DATO' ZAMRI BIN MAN)
Datuk Bandar Ipoh

